

**STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT
PEMBELAJARAN**

NAMA PUSAT : DISCOVERY CENTRE
FUNGSI : PATHOLOGY LABORATORY / PENEROKAAN
TAJUK/ TEMA : JOM KE KLINIK GIGI (LAWATAN)

BI L	PERKARA	CATATAN			
1	STANDARD KANDUNGAN	SA 2.5	Meramal		
2	STANDARD PEMBELAJARAN	SA 2.5.2 (5+) FK 5.3.2 (4+)	Membuat ramalan apa yang akan berlaku berdasarkan aktiviti yang dijalankan Memerhati dan meneroka persekitaran klinik gigi.		
3	STREAM	S T R E A M	Memerhati dan meneroka persekitaran klinik gigi. Peralatan perubatan dalam klinik Mengamalkan sikap toleransi dalam pergaulan Mengenal pasti pelbagai jenis peralatan yang digunakan semasa rawatan gigi Melukis gambar suasana klinik gigi Mengenal nombor angka giliran dan nombor bilik rawatan.		
4	OBJEKTIF PEMBELAJARAN		Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat mengenal pasti suasana dan proses rawatan gigi di klinik.		
5	BBM	Lawatan ke Klinik Pergigian			
6	NILAI MURNI	Kerjasama, Toleransi, Hemah Tinggi,			
7	<u>STRATEGI PELAKSANAAN</u>				
	<p>Sebelum Lawatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memilih tarikh, masa dan tempat lawatan. 				

2. Mesyuarat bersama ibu bapa.
3. Surat kebenaran dari pihak pengurusan KEMAS.
4. Surat makluman lawatan kepada pengurusan tempat yang di lawati.
5. Surat kebenaran kepada ibu bapa.
6. Tempahan pengangkutan /makan minum.
7. Senarai semak keperluan lawatan.
8. Soalan kanak-kanak kepada pakar.
9. Hasil pembelajaran lawatan kanak-kanak

Semasa Lawatan

1. Kanak-kanak mendengar penerangan guru mengenai menjaga keselamatan diri ketika lawatan.
2. Kanak-kanak bersama guru menaiki bas untuk lawatan ke klinik pergigian.
3. Kanak-kanak tiba di klinik pergigian dan berjalan didalam barisan memasuki bangunan klinik.

A. Ruang Menunggu

1. Kanak-kanak beratur dalam barisan sebelum masuk ke ruang menunggu.
2. Kanak-kanak diminta untuk duduk diruang menunggu sebelum membuat pendaftaran.
3. Kanak-kanak diminta untuk ke kaunter pertanyaan untuk membuat pendaftaran dan pembayaran di kaunter sebelum mendapatkan sesi rawatan.
4. Kanak-kanak perlu memberi maklumat diri pada jururawat bertugas bagi mengisi kad pesakit.

Contoh :

- Nama penuh kanak-kanak.
- Umur kanak-kanak.
- Nama TABIKA kanak-kanak.

5. Kanak-kanak diberi angka giliran setelah selesai membuat pendaftaran.
6. Angka giliran berserta nombor bilik rawatan kanak-kanak tertera di skrin.

7. Kanak-kanak masuk ke bilik rawatan berdasarkan nombor yang diberikan.
8. Doktor berosal jawab bersama kanak-kanak sebelum memulakan rawatan.
Contoh:
 - Adakah adik sakit gigi?
 - Dibahagian manakah gigi adik sakit?
9. Memeriksa gigi kanak-kanak seterusnya.
10. Selepas selesai memeriksa gigi semua kanak-kanak, jururawat/doktor memberi penerangan mengenai :
 - Fungsi gigi
 - Cara penjagaan gigi
 - Cara menggosok gigi dengan betul menggunakan model gigi dan berus gigi
 - Pengambilan makanan yang sihat untuk penjagaan gigi.
11. Kanak-kanak mengucapkan terima kasih kepada doktor gigi sebelum pulang ke TABIKA.

Selepas Lawatan

1. Kanak – kanak menceritakan semula tentang lawatan mereka ke Klinik Gigi
2. Kanak-kanak diberikan lembaran kerja untuk melihat kefahaman kanak-kanak selepas pulang dari lawatan.
3. Kanak-kanak diberi peluang untuk menceritakan hasil lembaran kerja berkaitan urutan pemeriksaan gigi di klinik.